

Metrik, waktu perlu diperhati — Menteri

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

PONTIAN KECIL, Selasa — Masyarakat luar bandar hari ini dinasihatkan supaya mengambil perhatian terhadap penggunaan sistem ketepatan waktu dan sukatan metrik yang telah dilaksanakan oleh kerajaan.

Menteri Penerangan, Datuk Mohamad Rahmat, berkata semalam, sekiranya sikap mengenal ketepatan waktu dapat diperluas dan diamalkan, sudah tentu ia akan membawa kemajuan dan kesejahteraan kepada rakyat.



DATUK MOHAMAD
RAHMAT

Masyarakat Islam, yang telah lama diajar menetap waktu seperti waktu-waktu **s e m b a h y a n g** sebanyak lima kali sehari semalam, tidak seharusnya terperanjat dengan pelaksanaan sistem tersebut, katanya.

Beliau memberi nasihat itu ketika berucap di majlis Maulud Nabi di Masjid Jamek Pengkalan Raja, kira-kira 11 kilometer dari sini.

Datuk Mohamad berkata, biasanya, masyarakat Malaysia tidak mengambil berat tentang ketepatan waktu dalam satu-satu majlis dan urusan disebabkan amalan yang tertanam di jiwa mereka selama ini.

Peruntukan

Datuk Mohamad juga berkata, setiap projek pembangunan akan diteruskan, terutama projek-projek kemudahan asas luar bandar.

Bagi Kawasan Parlimen Pulai sahaja, sebanyak \$12 juta telah diluluskan bagi membina rangkaian jalan sejauh 190 kilometer (118 batu) di Mukim Sungai Karang, dekat Pontian.

Di samping itu peruntukan sebanyak \$392,000 telah diluluskan untuk pembekalan elektrik bagi penduduk-penduduk di Batu 28, 29 dan 30 Jalan Johor.

Ketika berucap di majlis perasmian UMNO Cawangan Pok, Gelang Patah, petang semalam, Datuk Mohamad menyeru ahli-ahli UMNO menyediakan asas yang kukuh bagi jenerasi-jenerasi muda akan datang.

Sebagai ahli UMNO, mereka perlu menjaga nama baik UMNO untuk diwarisi oleh generasi muda akan datang.